

19 JUN 2003

Mahathir-Sebak

MAHATHIR SEBAK KETIKA MENGAKHIRI UCAPAN DASARNYA DI PERHIMPUNAN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebak ketika mengakhiri ucapan dasarnya pada perhimpunan agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, yang terakhir sebelum bersara Oktober ini.

Perdana Menteri yang juga presiden parti kelihatan mula hiba apabila beliau mengatakan ini adalah kali terakhir beliau dapat menyampaikan ucapan perasmian perhimpunan agung Umno.

Dr Mahathir yang akan melepaskan jawatan parti dan kerajaan Oktober ini, semakin sebak dan terpaksa beberapa kali berhenti sekejap untuk meneguk air apabila meminta ampun dan maaf segala kesilapan dan kesalahan beliau sepanjang berkhidmat dalam parti.

Air mata Dr Mahathir akhirnya tumpah lagi pada perhimpunan agung Umno ketika beliau kemudian memdoakan kepada Allah untuk orang Melayu.

Doa beliau ialah: "Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, yang telah memberkati hamba-Nya yang kerdil ini. Saya berdoa kepada-Nya supaya memelihara bangsa hamba-Nya ini daripada sifat-sifat keji dan menjadi mereka bangsa yang mulia dan berjaya, yang mematuhi segala ajaran agama suci Engkau, ajaran yang menyuruh manusia bersungguh-sungguh memelihara dan memajukan bangsa ini untuk dijadikan contoh sebagai umat Islam yang tunduk kepada segala perintah Engkau Ya Allah. Amin."

Walaupun kelihatan lemas oleh rasa sebaknya, Dr Mahathir dengan wajah pilu, gagahi juga untuk menghabiskan bacaan doa itu.

Presiden Umno untuk lebih dua dekad itu yang memimpin Umno memenangi lima pilihan raya umum menerima tepukan gemuruh dan penghormatan berdiri daripada lebih 2,000 perwakilan yang banyak kelihatan turut diterpa rasa sebak menerima hakikat bahawa masanya sudah tiba bagi pemimpin kesayangan mereka bersara.

Di ruang legar di mana beribu-ribu anggota Umno dan penyokong parti mengikuti ucapan dasar Dr Mahathir yang berlangsung hampir dua jam, banyak kelihatan mengesat air mata. Tetapi suasana tidaklah sepilu ketika beliau mengumumkan persaraannya pada perhimpunan agung Jun tahun lepas.

"Saya pohon maaf jika saya mengambil masa yang panjang untuk menyampaikan ucapan ini. Saya hanya ingin menyumbang kepada parti yang telah memberi peluang yang banyak bagi saya merealisasikan segala idea yang ada pada saya bagi pemulihan maruah bangsa saya, memajukan sedikit bangsa saya dan negara saya," katanya Dr Mahathir sebelum memohon maaf dan berdoa.

"Sama ada yang berjaya atau tidak bukan untuk saya menilaikannya. Rakyat dan sejarah yang akan menghukum dan menilai baik atau buruk khidmat yang telah saya berikan," kata Dr Mahathir yang berkhidmat selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Dr Mahathir turut merakamkan penghargaannya terhadap sokongan Umno, orang Melayu dan Bumiputera serta rakyat Malaysia yang lain.

"Dan saya bersyukur dan berterima kasih kerananya. Saya juga pohon ampun dan maaf terhadap segala kesilapan dan kesalahan saya sepanjang saya berkhidmat dalam parti yang bertuah ini," kata beliau.

Dr Mahathir, ketika bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Taklimat Presiden yang mendahului perhimpunan agung parti Selasa lepas, berkata beliau menjangka suasana perhimpunan tidak akan diselubungi emosi sedih.

Katanya beliau tidak akan menangis lagi kerana air matanya sudah kering.

Tetapi memang sudah adat berpisah, "parting is a sweet sorrow" kata orang putih.

-- BERNAMA

ZS ZS RON